

# Bahagian Kebudayaan dan Kesenian HEP UMS anjur Bengkel Explorasi Fotografi

NST 16. 5. 17 18.

KOTA KINABALU: Jabatan Hal Ehwal Pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Bahagian Kebudayaan dan Kesenian UMS telah menganjurkan satu bengkel fotografi dengan kerjasama Majlis Kebudayaan Universiti-universiti Malaysia (MAKUM) baru-baru ini.

Dinamakan sebagai Bengkel Explorasi Fotografi MAKUM 2017, ia telah disertai 10 peserta dari lima universiti iaitu Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan UMS sendiri.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan HEP, bengkel explorasi fotografi itu bertujuan memperkenalkan asas-asas dan teknik fotografi, selain sebagai tujuan mempromosikan budaya

setempat kepada para peserta.

Ia juga bagi memberi pendedahan kepada masyarakat mengenai program-program kesenian dan kebudayaan universiti selaras dengan usaha pihak universiti dalam memasyarakatkan mahasiswa dan memahasiswaikan masyarakat.

Kenyataan itu memaklumkan, program tersebut secara tidak langsung mencungkil dan memperkembangkan bakat para pelajar dalam dunia fotografi selain mengeratkan lagi jalinan ukhuwah antara UMS dengan Universiti Awam yang terlibat.

Bengkel tersebut turut mempertandingkan gambar-gambar kreatif dan menarik daripada para peserta.

Johan dimenangi Nor Fazrina Fazrin Hassan dari UPSI, manakala naib johan disandang



**PESERTA ... Kesemua peserta dan ahli jawatankuasa mengambil gambar kenang-kenangan.**

Azhar Mohd Jusuh dari UMP.

Mohd Syafiq Zulkiflie dari UPM pula Anugerah Estetik dianugerahkan kepada Ling Li Fang dari UNIMAP.

Majlis penyampaian hadiah disempurnakan Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Ahmad Nurudin mewakili Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal pelajar dan Alumni), Prof. Madya Dr. Ismail Ali yang dilantik